

1.0 PENGISYTIHARAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

1.1 Warga Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang mempunyai konflik kepentingan dalam mana-mana proses kerja hendaklah mengisytiharkan kepentingannya kepada Ketua Jabatan.

1.2 Ketua Jabatan hendaklah menggantikan mana-mana warga Jabatan yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan pegawai yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.

1.3 Warga Jabatan yang mempunyai konflik kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat (contoh sebut harga dan tender) atau panel (contoh temu duga), hendaklah mengisytiharkan kepentingannya kepada mesyuarat / panel serta meninggalkan mesyuarat / panel tersebut. Urus setia kemudiannya hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan pegawai dan tindakan pegawai meninggalkan mesyuarat / panel.

2.0 PELANGGARAN POLISI

Mana-mana warga Majlis Bandaraya Seberang Perai yang didapati gagal untuk mematuhi polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan diambil tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan dan Tatatertib) 1995. Pelanggaran polisi oleh pihak ketiga akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, atau mana-mana badan pengawal lain yang berkaitan.

3.0 PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

Unit Integriti

Majlis Bandaraya Seberang Perai,

Menara Bandaraya, Jalan Perda Utama, Bandar Perda,

14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang. atau

Menghubungi talian : 04 - 549 7555 ext: 374

4.0 PENUTUP

Pelaksanaan Polisi Konflik Kepentingan ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan MBSP dalam menerapkan nilai integriti yang tinggi serta mempraktikkan amalan terbaik dalam aspek penyampaian perkhidmatan MBSP sekaligus dapat mengurus sebarang konflik kepentingan dalam melaksanakan tugas dengan baik sebagai penjawat awam.

5.0 AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI



AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP)

Saya
No. K/P dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Jabatan dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.

Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan dan Tatatertib) 1995.

Tandatangan Pegawai :

Nama :

Jawatan :

Tempat Bertugas :

Tarikh :